



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA PENGHUNI PUSAT TRANSIT GELANDANGAN DI PROGRAM KASEH RAMADAN 2016/1437H

**KUALA LUMPUR, 13 Jun 2016** – Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayaki meluangkan masa berbuka puasa bersama-sama penghuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Program Kaseh Ramadan pada hari ini. Program Kaseh Ramadan ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial NGO's dalam mengimarahkan bulan Ramadan yang mulia ini.

2. Program Kaseh Ramadan adalah bertujuan untuk merapatkan ukhuwah di kalangan penghuni, Pertiwi Soup Kitchen, Unggas KL, Merci Chef Malaysia, Kechara Soup Kitchen dan Kementerian Wilayah Persekutuan disamping memastikan kebijakan penghuni dijaga dengan sebaiknya. Kehadiran Isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan menunjukkan keprihatinan beliau terhadap penghuni yang merupakan golongan kurang berasib baik dan berjauhan daripada keluarga. Program seumpama ini merupakan saluran untuk penghuni meluahkan perasaan dan berkongsi suka duka terutamanya bagi mereka yang tiada tempat bergantung dan hidup sebatang kara. Secara tidak langsung melalui program ini akan memperkuuh dan memperkayakan lagi interaksi antara pihak kementerian dan agensi dengan penghuni. Ini seterusnya dapat menerapkan nilai rasa kasih sayang dan prihatin di kalangan semua pihak dalam memastikan kelangsungan kehidupan golongan gelandangan dijaga dan dibantu sebaiknya.

3. Sepanjang bulan Ramadhan Al- Mubarak ini pelbagai aktiviti telah disusun supaya penghuni dapat mengimarahkan dan mengambil keberkatan di bulan Ramadhan. Antara aktiviti pengisian kerohanian yang mendapat kerjasama dari NGO's adalah seperti sahur, tazkirah dan solat subuh berjemaah. Selain itu turut diadakan kelas mengaji dan solat terawih berjemaah dengan diketuai oleh wakil dari Pusat Pengajian Al-Quran Universiti Malaya. Ini merupakan inisiatif kerjasama strategik antara KWP dan Yayasan Kebajikan Negara melalui sokongan dari NGO's bagi merealisasikan aktiviti sepanjang bulan Ramadhan dilaksanakan dengan konsisten dan teratur.
4. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui kerjasama Malaysian Resources Corporation Berhad dalam membina bangunan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan demi keselesaan penghuni. Bangunan tiga tingkat ini mempunyai kemudahan asas seperti ruang penginapan yang mampu menampung sehingga 250 orang dan mempunyai kemudahan asas seperti bilik mandi, tandas, bilik dobi, ruang makan, tempat agihan makanan, surau, bilik rawatan, bilik OKU dan bilik simpanan barang. Pusat ini berperanan sebagai pusat sehenti yang menyediakan penginapan sementara mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain dari penyediaan makanan setiap hari oleh NGO's yang telah dijadualkan, pusat ini turut menerima sumbangan dari syarikat-syarikat dan orang ramai berbentuk makanan dan keperluan harian terutamanya pada bulan Ramadhan.
5. Adalah diharapkan melalui Program Kaseh Ramadhan ini dapat memberi kesan positif kepada penghuni mahupun pihak-pihak lain. Keprihatinan masyarakat terhadap golongan gelandangan dapat mengurangkan kesengsaraan dan bebanan yang ditanggung oleh mereka yang seterusnya dapat menambah nilai kasih sayang sesama manusia dan melahirkan rasa bersyukur kepada Allah S.W.T terhadap nikmatNya di bulan Ramadhan yang mulia ini.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
13 Jun 2016